



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercuri UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



## KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 20 Mei 2010

### Perdana Menteri Akan Melancarkan MYWorkLife@Iskandar Showcase

- Iskandar Malaysia Bakal Menjadi “Lokasi Idaman” Untuk Kehidupan Cemerlang Dengan Peluang Pekerjaan Baru
- Disertai oleh Lebih Daripada 20 Syarikat
- Taklimat oleh Dato' Sri Idris Jala dan Joe Liden

MYWorkLife@Iskandar Showcase, satu acara gaya hidup yang bakal berlangsung selama dua hari, bertujuan untuk menentengahkan pelbagai peluang untuk menetap dan bekerja di Iskandar Malaysia serta mempamerkan beberapa inisiatif utama transformasi Malaysia. Acara tersebut akan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, di Puteri Harbour, Kota Iskandar, Johor.

Antara inisiatif utama itu termasuk Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLCT") di bawah mandat Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (PCG) dan Program Transformasi Kerajaan (PTK).

Pengarah Eksekutif (Pengurusan Modal Insan Strategik) Khazanah Nasional Berhad, Shahnaz Al-Sadat berkata, "Acara ini menjanjikan sesuatu yang hebat bagi mereka yang ingin mengubah kehidupan dengan mencari peluang baru di Iskandar Malaysia."

MYWorkLife@Iskandar akan dibuka kepada orang awam mulai 10 pagi hingga 5 petang selama dua hari pada Sabtu dan Ahad ini. Masuk adalah percuma.

"Perdana Menteri akan melancarkan laman web MYWorkLife, satu platform maya yang direka bagi mencapai, menarik dan mendekati bakat yang berpotensi untuk GLC dan sektor swasta. Laman web ini menawarkan maklumat yang akan membantu mereka yang berbakat, sama ada warga Malaysia yang bekerja di luar negara dan/atau warga asing yang kini dalam proses membuat keputusan sama ada untuk kembali atau bekerja di Malaysia," tambah Shahnaz.

"Segala maklumat relevan termasuk cukai serta peluang pendidikan boleh didapati di dalam laman web tersebut, dan pengunjung juga boleh mengemukakan sebarang pertanyaan yang kemudiannya akan disalurkan kepada badan-badan yang berkenaan untuk memberikan maklum balas," katanya.

Pengunjung yang hadir digalakkan untuk meneroka, menyelidik dan turut serta dalam sesi dialog bersama pihak yang bertanggungjawab untuk pameran PTK. Ketua pegawai eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Dato' Sri Idris Jala akan mengadakan sesi perbincangan khas yang mana beliau akan memberi maklumat terkini tentang kemajuan PTK. Wakil-wakil daripada Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji, Khazanah Nasional Berhad, Telekom Malaysia



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercu UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



Berhad, PROTON Holdings Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, UMW Holdings Berhad, UEM Land Holdings Berhad, Malaysia Building Society Bhd dan Chemical Company of Malaysia akan turut berada di acara dua hari tersebut dan bersedia untuk berkongsi maklumat tentang syarikat masing-masing kepada para pengunjung.

Antara acara yang akan ditonjolkan di MYWorkLife@Iskandar adalah pameran Iskandar Malaysia. Wakil daripada Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (“IRDA”), Iskandar Investment Berhad (“IIB”), Pelabuhan Tanjung Pelepas, dan UEM Land juga akan turut hadir, menawarkan pengunjung maklumat terkini dan peluang sedia ada kepada sesiapa yang berminat untuk bekerja dan menetap di Iskandar Malaysia.

Pada acara ini juga, Joe Liden, pemilik Liden Labs, syarikat yang bertanggungjawab mereka cipta platform ‘MYWorkLife portal talent’, akan berucap tentang kesan dunia maya kepada pembelajaran, pembangunan produk dan bisnes semasa. Beliau akan menyampaikan penerangan tentang ‘Kehidupan Kedua’, dan menjelaskan tentang pelan jalan bagi ‘Kehidupan Kedua’ untuk 12 - 18 bulan yang akan datang.

Turut berucap di acara ini adalah jurutera PROTON yang telah menerima pelbagai anugerah dan para profesional daripada IIB yang telah kembali untuk bekerja untuk syarikat-syarikat tempatan atau organisasi lain di Malaysia.

Bagi memeriahkan lagi acara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, JobsMalaysia dan StudyMalaysia akan turut hadir untuk berkongsi kelebihan untuk menetap dan bekerja di Iskandar Malaysia, termasuk pelepasan cukai, imigresen, potensi kerja sedia ada dan kemudahan-kemudahan pendidikan.

Sejumlah 10 buah komputer disediakan di MYWorkLife Talent Portal untuk kemudahan pengunjung yang ingin mendaftarkan diri di portal tersebut. Kepada mereka yang tidak berkesempatan untuk hadir sendiri ke acara dua hari ini, mereka dipelawa untuk melayari laman web MYWorkLife@Iskandar di [www.myworklife.my](http://www.myworklife.my) dan mengambil bahagian dalam perbincangan secara dalam talian.

**TAMAT**

*Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +03-2034 0294 atau e-mel [asuki.abas@kbaqanab.com.my](mailto:asuki.abas@kbaqanab.com.my)*